


## **TATACARA PROSES PERMOHONAN SARINGAN AWAL PROGRAM AKADEMIK BAHARU**

Carta alir tatacara proses saringan awal permohonan program baharu adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2. Penerangan tentang tatacara proses adalah seperti berikut:

1. Ketua Program mengemukakan cadangan program akademik baharu (mengikut Format Borang Permohonan Saringan Awal Program Akademik Baharu yang disediakan oleh JKKU) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian program kepada Jawatankuasa Akademik (JKA) atau Jawatankuasa Kurikulum Fakulti (JKKF).
2. Cadangan program akademik baharu yang telah lengkap dibentangkan ke Jawatankuasa Akademik (JKA) yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
3. Selepas cadangan program akademik baharu dipersetujui oleh JKA, dokumen tersebut dihantar kepada Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKKU) di peringkat prasiswazah atau pascasiswazah untuk menyemak kecukupan dokumen serta perakuan terhadap cadangan program baharu tersebut. Sekiranya tidak lengkap, JKKU akan memulangkan semula kepada Ketua Program untuk dilengkapi.
4. Setelah diperakukan, permohonan cadangan program akan dibentangkan di Senat UTM untuk proses kelulusan. Setelah diluluskan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) akan menghantar dokumen tersebut untuk permohonan kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



Rajah 2: Carta Alir Permohonan Saringan Awal Program Akademik Baharu